

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.31 (25)
Tarikh : 6 Mei 2014

Ketua Pengarang Malaysia Nanban

Tuan,

MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR MALAYSIA NANBAN BERTAJUK "RAMULU YANG DILAHIRKAN DI MALAYSIA TIDAK DIBERIKAN KAD PENGENALAN" BERTARIKH 29 APRIL 2014, SELASA – M.S: MUKA DEPAN & 6

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Encik Murugan A/L Rajagopal berkenaan saudaranya Encik Ramulu A/L Devraj yang tidak memiliki kad pengenalan.

3. Untuk makluman, Encik Ramulu A/L Devraj telah hadir ke JPN Daerah Kulaijaya, Johor pada 30/04/2014 untuk mendapatkan penerangan dengan tepat dan terperinci berkaitan permohonan daftar lewat kad pengenalan. Beliau juga telah diberikan satu set borang daftar lewat kad pengenalan untuk dilengkapi dan mengemukakan ke pejabat JPN bagi membolehkan permohonan daftar lewat kad pengenalan beliau diproses dan seterusnya dikeluarkan kad pengenalan sebagaimana yang diperuntukan oleh undang-undang Negara ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

Pejabat Perhubungan Awam,

Jabatan Pendaftaran Negara,

Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)